

Kes RCI Batu Puteh

Tun M gagal mohon diwakili peguam

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak semakan kehakiman yang dikedemukakan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk beliau diwakili peguam berhubung kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tutor Selatan.

Dalam prosiding yang berlangsung kurang lima minit itu, Hakim Datuk Amarjeet Singh tidak memberikan sebarang alasan penghakiman.

Amarjeet menolak permohonan itu tanpa sebarang kos pada prosiding yang dihadiri peguam Zainur Zakaria dan Muhammad Rafique Rashid Ali mewakili Dr Mahathir serta Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhasan dan Nur Hafizza Azizan mewakili responden.

Ketika Zainur memohon alasan penghakiman, Amarjeet

berkata, beliau akan memberikannya dalam masa terdekat.

Dr Mahathir memfailkan permohonan kebenaran itu Jun lalu turut memohon perintah melarang Tun Md Raus Sharif daripada bertindak selaku Pengerusi RCI dan Datuk Dr Baljit Singh Sidhu serta Datuk Mohamed Ridha Abd Kadir, daripada bertindak sebagai ahli RCI.

Beliau juga memohon perintah supaya RCI membenarkan beliau dan peguamnya hadir sepanjang prosiding dan menyerahkan semua dokumen, senarai saksi dan bukti dokumentar yang akan dibentangkan ketika prosiding berkenaan.

Dr Mahathir selaku pemohon, turut memohon satu perisytiharan bahawa beliau adalah individu yang menjadi perkara dalam siasatan RCI atau terbabit dengan perkara yang se-



Muhammad Rafique (kanan) yang mewakili Dr Mahathir keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

dang disiasat oleh suruhanjaya berkenaan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119)

Beliau juga memohon perintah bahawa semua prosiding RCI ditangguhkan sehingga penyelesaian akhir permohonan semakan kehakiman itu.

Permohonan kebenaran itu dibuat menurut Aturan 53 Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Dr Mahathir menamakan Raus; Timbalan Pengerusi, Tan Sri Zainun Ali; lima ahli RCI

iaitu iaitu Baljit, Prof Dr Johan Shamsuddin Sabaruddin, Prof Datin Dr Faridah Jalil, Mohammed Ridha dan Dickson Dollah serta Setiausaha RCI, Zamri Misman selaku defendan pertama hingga kelapan.

Dalam affidavit sokongan yang diikrarkannya, Dr Mahathir berkata, beliau dinasihati oleh peguam, bahawa pelantikan Raus sebagai Pengerusi RCI menimbulkan kecenderungan berlaku ketidakadilan dan berat sebelah.